

20/12/1999

Pas sedia jalin kerjasama dengan Pusat

KUALA TERENGGANU, Ahad - Kerajaan Pas Terengganu dan Kelantan sedia menjalin kerjasama dua hala dengan Kerajaan Pusat, terutama dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, berkata pihaknya menyambut baik kesediaan Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan Pas di kedua-dua negeri itu.

Bagaimanapun, katanya, untuk mewujudkan hubungan dua hala yang baik, Kerajaan Pusat juga harus bersedia mendengar pandangan Kerajaan Pas di kedua-dua negeri itu.

"Kerjasama mesti dua hala, kalau satu hala tak nama kerjasama ... dua hala dalam perkara yang berkait antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri," katanya di pejabatnya, di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan sentiasa membantu Kerajaan Pusat dalam meneruskan projek-projek yang boleh membawa kesejahteraan kepada rakyat seperti pembinaan jalan raya dan sekolah.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Pusat bersedia menjalin kerjasama dengan Kerajaan Terengganu dan Kelantan pimpinan Pas asalkan kerjasama itu tidak bertepuk `sebelah tangan'.

Sebelum ini, Abdul Hadi dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dilaporkan berkata kedua-dua kerajaan negeri pimpinan Pas itu mahu menjalin hubungan kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Sementara itu di KOTA BHARU, Kerajaan Pas Kelantan sanggup mematuhi arahan Kerajaan Pusat dalam usaha menjalinkan hubungan kerjasama selagi ia tidak memaksa kerajaan negeri mengubah dasar pentadbiran Islam yang dilaksanakannya.

Ketua Penerangan Badan Perhubungan Pas negeri, Abdul Fatah Harun, berkata parti itu boleh mengikut apa yang dikehendaki Pusat, tetapi tidak bermakna sanggup menggadaikan dasar perjuangannya.

"Untuk ikut sesuatu arahan itu ada hadnya. Ini bermakna, kita (Pas) tidak boleh menerima dasar yang bercanggah dengan Islam," katanya di sini hari ini.

Abdul Fatah yang juga Ahli Parlimen Rantau Panjang, berharap Kerajaan Pusat, khususnya Perdana Menteri tidak berdolak dalik dalam perkara itu.

"Selama ini pun, Kerajaan Pas di Kelantan sentiasa memberi kerjasama dan mematuhi segala arahan Pusat asalkan ia tidak bercanggah dengan dasar kerajaan negeri," katanya.

(END)